

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.11.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI**

KEWANGAN menyatakan jumlah sebenar hutang 1MDB.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang 1MDB seperti di dalam Penyata Kewangan 1MDB yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2014 adalah sebanyak RM42 bilion. Maklumat lengkap boleh diperolehi di dalam Penyata Kewangan tersebut dan boleh dimuat-turun di laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015 (RABU)

SOALAN : 53

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa pihak kementerian bersetuju atau tidak bersetuju perubahan Pelan Induk KLIA oleh MAHB yang memindah tapak KLIA2 dari utara ke barat. Apakah justifikasi perubahan rekabentuk dari *finger concept* kepada *satelit concept*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Menurut MAHB, perubahan Pelan Induk KLIA oleh MAHB yang memindah tapak KLIA2 dari Utara ke Barat dilaksanakan adalah berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh perunding KLIACS dan NACO JV pada tahun 2008. Hasil daripada kajian dilakukan, pihak perunding telah mencadangkan supaya pembinaan sebuah lapangan terbang baru di KLIA perlu dilaksanakan di sebelah Barat berdasarkan justifikasi-justifikasi berikut:

- i) Akses jalan yang lebih efisien,
- ii) Kemudahan lebih baik bagi pertukaran penumpang di antara "*airside*" dan "*landside*",
- iii) Infrastruktur pembangunan terminal yang lebih integrasi,
- iv) Kemudahan pengendalian pesawat di "*aircraft stand*" yang lebih fleksibel, dan;
- v) Sistem kapasiti landasan yang lebih efektif

Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang diberikan oleh MAHB, Kementerian Pengangkutan telah bersetuju dengan perubahan Pelan Induk KLIA yang dicadangkan oleh MAHB dalam memindah tapak KLIA2 dari utara ke barat.

Menurut MAHB lagi, justifikasi perubahan rekabentuk daripada konsep "*Finger Terminal*" kepada "*Terminal Satellite*" konsep adalah berdasarkan kepada:

- i) "*total calibration*" iaitu pengasingan penumpang "*arrival & departure*"; dan
- ii) masa "*flight turnaround*" yang lebih baik bagi syarikat penerbangan.